

## **ANALISIS PENGAMALAN HISBAH DALAM PENGURUSAN DISIPLIN PELAJAR DI PONDOK BUSTANUL ARIFIN BANTING SELANGOR**

**Muslihah Mazlan**

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

**Siti Nur Afiqah Shafie**

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

**Noor Azizah Jakaria**

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

*Corresponding Author's Email: muslihah@kuim.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 18 June 2021*

*Accepted : 13 August 2021*

*Published : 10 September 2021*

### **ABSTRAK**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti amalan hisbah dalam pengurusan disiplin pelajar khususnya di salah satu institusi pendidikan Islam di Malaysia iaitu Pondok Bustanul Arifin Selangor. Kajian ini juga ingin mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pengurusan disiplin pelajar serta menganalisis hubungannya dengan amalan hisbah. Rekabentuk penyelidikan yang digunakan ialah penyelidikan deskriptif jenis kajian kes dengan sampel sejumlah 13 orang. Sampel terdiri daripada seorang pengetua, tiga orang guru dan sembilan orang pelajar yang terlibat dalam pengurusan kaedah disiplin tersebut. Instrumen yang digunakan adalah tembual separa struktur iaitu soalan-soalan umum disediakan terlebih dahulu dan soalan yang khusus hanya ditentukan semasa sesi tembual berlangsung. Data lisan dari rakaman tembual telah ditranskripsi, kemudian dianalisa kandungannya. Dapatan kajian mendapati terdapat beberapa amalan hisbah dalam pengamalan disiplin pelajar di institusi pendidikan Islam. Antara amalan hisbah merangkumi tiga aspek utama iaitu akidah iaitu musyaratah(perjanjian hati), syariah iaitu muraqabah (pemerhatian tingkah laku) dan muhasabat (memperhitung diri) dan akhlak iaitu mu'aqabah (peneguhan rohani), mujahadah (penentangan nafsu) dan mu'atabah (pembersihan jiwa) mampu memberi kesan terhadap pembentukan disiplin pelajar.

**Kata Kunci:** Hisbah, Pengurusan Disiplin, Institusi Pendidikan Islam

## ***ANALYSIS OF HISBAH PRACTICE IN STUDENT DISCIPLINE MANAGEMENT IN PONDOK BUSTANUL ARIFIN BANTING SELANGOR***

### ***ABSTRACT***

*The purpose of this study is to identify the practice of hisbah in the management of student discipline, especially in one of the Islamic educational institutions in Malaysia, namely Pondok Bustanul Arifin Selangor. This study also wants to identify the factors that influence the management of student discipline and analyze its relationship with the practice of hisbah. The research design used is a descriptive case study type research with a total sample of 13 people. The sample consisted of one principal, three teachers and nine students involved in the management of the disciplinary methods. The instrument used is a semi-structured interview, ie general questions are prepared in advance and specific questions are only determined during the interview session. Oral data from the interview recordings were transcribed, then their contents were analyzed. The findings of the study found that there are several practices of hisbah in the practice of student discipline in Islamic educational institutions. Among the practice of hisbah includes three main aspects, namely faith, namely musyaratah (agreement of the heart), sharia, namely muraqabah (observation of behavior) and muhasabat (counting oneself) and morality, namely mu'atabah (spiritual confirmation), mujahadah (resistance to lust) and mu'atabah. (soul cleansing) is able to affect the formation of student discipline.*

***Keywords:*** *Hisbah, Disciplinary Management, Islamic Educational Institutions*

### **PENGENALAN**

Sistem pendidikan adalah merupakan asas penting dalam sesebuah negara. Ia merupakan salah satu medium utama dalam membentuk rupa wajah anak bangsa untuk masa depan yang cemerlang. Kegagalan dalam membentuk para pelajar di institusi pendidikan pada hari ini akan memberikan impak yang negatif kepada masa depan negara. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam memperkasa dan memartabatkan sistem pendidikan negara. Hal ini dapat dilihat melalui penekanan yang diberikan oleh pihak kerajaan dalam memperuntukkan sebanyak RM 50.2 bilion kepada sektor pendidikan dalam belanjawan 2012 . Selain itu, melalui Program Transformasi Kerajaan (PTK) yang dirangka berdasarkan ‘Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan’ meletakkan pendidikan sebagai satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu meluaskan akses pendidikan berkualiti dan berkemampuan . Hal ini jelas menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam memberikan pendidikan kepada rakyat.

## **ULASAN KAJIAN LEPAS**

### **PENGURUSAN DISIPLIN DI INSTITUSI PENDIDIKAN**

Setiap struktur yang terdapat dalam sistem pendidikan ini mempunyai peranan yang khusus bagi memudahkan urusan pentadbiran di institusi pendidikan. Setiap komponen ini memainkan peranan penting dalam mencapai matlamat pendidikan negara. Misalnya, dalam menguruskan disiplin pelajar di insitusi pendidikan pada hari ini, ia turut memberi kesan kepada sistem pentadbiran. Bagi tujuan pengurusan disiplin di sekolah, Ordinan Pelajaran 1952 dan 1957, Akta Pendidikan 1996 serta buku-buku panduan panduan pengurusan disiplin dan surat-surat pekeliling merupakan sumber mandat yang merupakan arahan rasmi yang dikeluarkan oleh pihak atasan yang membolehkan sesuatu tindakan ataupun dasar diambil.

Ordinan Pelajaran 1952 merupakan undang-undang yang berhubung dengan penubuhan persatuan disekolah. Manakala seksyen 116 dalam Ordinan Pelajaran 1957 terkandung undang-undang mengenai pengurusan disiplin di sekolah. Ia dikenali sebagai Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959. Akta pendidikan 1996 pula merupakan undang-undang yang berhubung penubuhan persatuan di sekolah.

Selain itu, buku-buku panduan pengurusan disiplin yang dihasilkan oleh Jawatankuasa Khas Kementerian Pelajaran pada tahun 1981 menjadi panduan bagi pihak sekolah, ibu bapa ataupun penjaga mengenai disiplin pelajar-pelajar disekolah. Tambahan pula, surat-surat pekeliling ikhtisas juga penting kerana ia dikeluarkan secara berkala oleh Kementerian Pelajaran bagi menangani isu-isu dan cabaran semasa. Selain sumber-sumber ini, guru besar atau pengetua juga diberi kuasa menggubal peraturan-peraturan tambahan disiplin mengikut keadaan dan keperluan sekolah selagi peraturan tersebut tidak bercanggah dengan ordinan, akta, buku panduan disiplin dan surat pekeliling yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran. Penggubalan peraturan-peraturan sekolah tidak semestinya seragam di semua sekolah dan bergantung kepada jenis masalah yang berbeza dari segi faktor geografi, infrastruktur, kemudahan dan sebagainya (KPM, 1982:2).

### **AMALAN HISBAH DALAM PEMBENTUKAN DISIPLIN PELAJAR**

Definisi hisbah berasal daripada perkataan hasaba yang bermaksud mengira, menghitung, menilai dan menimbang. Ia juga merupakan terbitan daripada perkataan ihtisab yang bermaksud balasan pahala daripada Allah SWT di akhirat kelak dengan melakukan perbuatan yang baik dan juga bermaksud ganjaran yang diperolehi daripada hasil hisbah pada setiap urusannya (Ibn Mandhur, 1990; Ma'tuq, 1982). Selain itu, perkataan hisbah bermaksud meneliti, mentadbir, melihat, mencegah dan menahan. Maksudnya seperti mencegah seseorang daripada melakukan kemungkaran atau seseorang yang melakukan kebaikan, kedua-duanya mendapat balasan daripada Allah swt (Zaydan, 1984). Secara keseluruhan, definisi hisbah menurut pandangan Islam adalah segala aktiviti

pengawasan dan penguatkuasaan serta amalan dalam menegakkan amar al-ma'ruf wa al-Nahi 'an al-Munkar sama ada terhadap individu, masyarakat, organisasi, agama dan Negara demi kebaikan dan keselamatan.

Pengawasan diri sendiri atau muhasabat al-nafs ialah amalan memperhitungkan diri sendiri terhadap segala amalan yang dilakukan sepanjang hari (al-Basya, 1966). Pengawasan ini bergantung keinginan individu dalam memahami dan menerapkan sifat taqwa ke dalam jiwanya. Bertitik tolak daripada keinginan tersebut juga akan melahirkan seorang yang sentiasa mendisiplinkan dirinya dalam mempraktikkan ajaran Islam. Dengan asas dan pegangan ajaran Islam yang telah dipraktikkan, seseorang yang bertanggungjawab sebagai pelajar mampu berusaha membendung dirinya daripada melakukan kemungkaran dalam kehidupan seharian (Auni Abdullah, 2000). Kesimpulannya, pengawasan diri sendiri dalam amalan hisbah ini bermula apabila wujud kesedaran dalaman melalui proses penghayatan dan penerapan amanah dan bertanggungjawab sebagai hamba Allah SWT dan menganggap tanggungjawab yang dipikul sebagai ibadat yang sentiasa diberi perhatian di dunia dan di akhirat.

Secara keseluruhannya, amalan hisbah bertujuan untuk membentuk pelajar yang berakhlak mulia dalam menjalankan perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya. Untuk tujuan tersebut pelaksanaan al-amr bi al-makruf wa al-nahy 'an-mungkar dilakukan secara meluas meliputi aspek akidah, akhlak dan ibadah (Sophian Rambli, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi & Imam Fauji, 2018). Terdapat enam tahap yang perlu dilakukan untuk menjadikannya prinsip hisbah berkesan dalam pengurusan disiplin pelajar dan ianya selari dengan elemen akidah syariah dan akhlak. Menurut Sa'id Hawwa (1998), tahap-tahap tersebut adalah musyaratah (perjanjian hati), muraqabah (pemerhatian tingkahlaku), muhasabat (memperhitungkan diri), mu'aqabah (peneguhan rohani), mujahadah (penentangan nafsu) dan mu'atabah (pembersihan jiwa).

## **1. Musyaratah (Perjanjian Hati)**

Musyaratah atau perjanjian hati bermaksud membuat pensyaratan melalui ikatan hati. Hati adalah pusat ingatan dan pemahaman (al-Razi, 2000). Hati mampu berinteraksi dengan akal untuk meraih kesejahteraan dan kemakmuran melalui kecerdasan intelektual, emosi, moral, spiritual dan agama yang dikategorikan sebagai perilaku kalbu (Hasnan, 2008; Rusdin, 2011). Perilaku kalbu berbeza mengikut niat dan motivasi yang dimiliki oleh seseorang dalam melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran demi ketakwaan kepada Allah SWT (Hamka, 2003).

Amalan ini dilihat selari dengan peneguhan akidah yang menjadi tunjang disiplin pelajar (Muslihah Mazlan, Mohd Azam Yahya & Fatimah Nadirah Mohd Noor, 2016). Ilmu tauhid menyediakan akar tunjang agar pembentukan disiplin para pelajar yang diusahakan tidak terpisah dari akidah dan rasa kehambaan kepada Allah SWT. Hal ini kerana para pelajar yang memiliki akidah yang mantap akan melaksanakan segala perintah yang diturunkan oleh Allah SWT dan RasuNya dengan bersungguh-sungguh dengan penuh kerelaan dan tanpa dipaksa oleh sesiapa. Ia dijelaskan oleh Allah SWT dalam firmanNya yang bermaksud:

*“Dan bahawa sesungguhnya (dengan datangnya al-Quran, nyatalah) ada di antara kita golongan yang beragama Islam dan ada pula golongan yang (kufur derhaka dengan) menyeleweng dari jalan yang benar; maka sesiapa yang menurut Islam (dengan beriman dan taat), maka merekalah golongan yang bersungguh-sungguh mencari dan menurut jalan yang benar, adapun orang-orang yang menyeleweng dari jalan yang benar maka mereka menjadi bahan bakaran bagi neraka jahanam”* (Surah al-Jin: ayat 14- 15)

Sehubungan dengan itu, para pelajar yang berakidah tidak akan melakukan sebarang kemungkaran sama ada secara terangan atau secara tersembunyi kerana mereka sangat menyakini bahawa Allah SWT sentiasa melihat perbuatan mereka.

## **2. Muraqabah (Pemerhatian Tingkah Laku)**

Muraqabah atau pemerhatian tingkah laku melibatkan aktiviti diri dengan menyedari bahawa segala tingkah laku di bawah pemerhatian kekuasaan Allah SWT (Al-Waqiah: 63-64,68-69, al-An'am:50). Muraqabah bertujuan untuk memastikan segala tingkah laku manusia adalah bermatlamatkan kepada ketaatan kepada Allah SWT (Al-Baqarah: 238,285, al-Imran: 17, 146, al-Maidah: 7, al-Nisa:69, al-Maidah: 7). Oleh yang demikian, muraqabah dapat memastikan diri sentiasa mematuhi amar makruf dan meninggalkan kemungkaran yang telah ditentukan oleh Allah SWT (Al-Baqarah: 160, al-Nisa:16, al-Maidah:62,68,100, Hud: 122).

## **3. Muhasabat (Memperhitungkan Diri)**

Muhasabah atau perhitungan amalan bermaksud membuat pertimbangan terhadap amalan yang dilakukan dalam urusan kehidupan dengan merenung kembali dan memperbaiki amalan demi kerana Allah SWT. Muhasabah juga dikenali muhasabah diri dalam mengenali diri sendiri dengan segala kekurangan yang dimiliki. Tujuannya untuk mengenal had diri hingga mencapai jiwa yang tenang. Jiwa yang tenang ialah jiwa yang memiliki keimanan dan ketenteraman dalam mengenal Allah SWT (Abu Umar Basyir, 2005; Ibn Sina, 2009; Zuridan, 2010).

Amalan muraqabah (pemerhatian tingkah laku) dan muhasabat (memperhitungkan diri) dilihat selari dengan ibadah (Muslihah Mazlan, Mohd Azam Yahya & Fatimah Nadirah Mohd Noor, 2016). Ilmu fekah ini menyediakan kaedah-kaedah menjadikan usaha pembentukan disiplin pelajar tersebut itu sebagai ibadah. Hal ini kerana para pelajar akan bersungguh-sungguh melaksanakan tuntutan sebagai seorang mukmin disamping berusaha mencari kejayaan didunia dan diakhirat dengan cara yang diredhai Allah SWT.

#### **4. Mu'aqabah (Peneguhan Rohani)**

Mu'aqabah atau peneguhan rohani ialah penilaian hasil kerja yang dilakukan melalui proses penelitian terhadap kekurangan amalan-amalan yang telah dilakukan kerana kesilapan dan kesalahan yang dilakukan. Antara amalan mu'aqabah adalah amalan :

- a) Berdoa (Al-Baqarah: 126, al-Imran:38, al-A'raf: 151, al-Qisas:24);
- b) Membaca al-Quran (Al-Baqarah: 44, al-Imran:78,113,133, Yusuf: 2,15);
- c) Solat (Al-Baqarah:3, al-Maidah:6, al-Nisa':102,103);
- d) Puasa (Al-Baqarah:93,183, 184, 185, 187, 196, al-Nisa': 92, al-Maidah:89,95);
- e) Zikir (Al-Sajadah:15, al-Safaat:143, al-Isra': 44) dan
- f) Sedekah (Al-Baqarah: 263, 273, 268, al-Maidah:12, al-sajadah:27).

#### **5. Mujahadah (Penentangan Nafsu)**

Mujahadah atau penentangan nafsu bermaksud berusaha bersungguh-sungguh melawan kehendak hawa nafsu. Istilah mujahadah berasal daripada perkataan jihad iaitu berusaha dengan sepenuh kesungguhan, kekuatan dan kesanggupan pada jalan yang diyakini benar. Al-Ghazali (2004) menjelaskan bahawa mujahadah secara dasarnya melawan hawa nafsu dengan menundukkan hawa nafsu untuk mengikut kehendak Allah SWT dalam setiap perkara. Mujahadah dilakukan untuk mengawal kekuatan amarah dan syahwat (keinginan) dalam diri manusia yang mengumpulkan sifat-sifat tercela dan sentiasa mendorong manusia untuk melakukan amal kejahatan.

#### **6. Mu'atabah (Pembersihan Jiwa)**

Mu'atabah atau pembersihan jiwa melibatkan elemen roh, qalb, aqal dan al-nafs (Ansari,1992 & Abdul Salim, 2003) sebagai punca dalam membentuk niat kepada tingkah laku luaran dan perbuatan manusia. Oleh itu, tindakan mu'atabah dapat membuka hari manusia untuk menerima kebenaran dan hakikat ketuhanan dengan hidayah dan petunjuk Allah (Ibn Sina, 2009; Mostafa, 2009). Mu'atabah juga adalah proses mendidik diri mencapai ke jiwa yang mutma'inah (al-Baqarah: 248, al-Fajr:27).

Manakala mu'aqabah (peneguhan rohani), mujahadah (penentangan nafsu) dan mu'atabah (pembersihan jiwa) selari dengan elemen tasawuf yang dapat membentuk akhlak (Muslihah Mazlan, Mohd Azam Yahya & Fatimah Nadirah Mohd Noor, 2016). Ia memandu mengenali sifat-sifat terkeji (mazmumah) yang ada dalam diri masing-masing dan menyediakan kaedah-kaedah menghapuskan serta menggantikannya dengan sifat-sifat terpuji (mahmudah). Ilmu tasauf menyediakan manusia dengan sifat-sifat terpuji agar pembangunan dapat dilaksanakan dengan jujur, amanah dan berakhlak (Muhammad Syukri Salleh, 2003).

Dalam pengurusan disiplin, elemen akidah, syariat dan akhlak menjadi teras utama dalam pembentukan disiplin pelajar. Hal ini kerana intipati dalam

ilmu fardhu 'ain yang meliputi akidah, ibadah dan akhlak memainkan peranan penting dalam membentuk unsur dalaman individu (Abdul Raof Dalip, 1991). Unsur dalaman adalah merupakan sikap yang diterjemahkan melalui keyakinan terhadap nilai-nilai yang diyakini dan ianya mampu membentuk tabiat seseorang individu. (Muhammad Imaduddin Abdulrahim, 1995). Maka elemen akidah, syariah dan akhlak yang diterapkan dalam konsep hisbah ini menjadi kerangka utama dalam membentuk nilai-nilai yang dapat mendisiplinkan para pelajar.

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

### **Persoalan Kajian Pertama: Kaedah pengurusan disiplin pelajar yang digunakan di Pondok Bustanul Arifin Banting, Selangor**

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan sebanyak 7 kaedah pengurusan disiplin yang telah dikenalpasti digunakan oleh pihak pengurusan dalam menguruskan disiplin pelajar. Antara kaedah yang digunakan adalah tempoh percubaan 41 hari, hukuman rotan di hadapan khalayak ramai, meraikan minat dan bakat pelajar, hubungan rapat guru dengan pelajar, sistem pengajian dan wirid, suasana harmoni dalam kalangan pelajar serta tempoh muhasabah dalam liang lahad. Kaedah pengurusan ini dapat dilihat lebih jelas dalam Jadual 1 berikut.

Jadual 1: Dapatan Temu Bual Responden Mengenai Kaedah Pengurusan Disiplin Pelajar yang Digunakan di Pondok Bustanul Arifin Banting, Selangor

Bentuk	Dapatan
Umum	Tempoh Percubaan 41 Hari Meraikan Minat dan Bakat Pelajar Hubungan Rapat Guru dengan Pelajar Sistem Pengajian dan Wirid Suasana Harmoni dalam Kalangan Pelajar (Berjemaah)
Khusus	Hukuman Rotan di Hadapan Khalayak Ramai Tempoh Muhasabah dalam Liang Lahad

Jadual 1 merumuskan kaedah-kaedah yang digunakan dalam menguruskan disiplin pelajar di Pondok Bustanul Arifin Banting, Selangor. Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan terdapat tujuh kaedah utama yang digunakan oleh pihak pengurusan dalam menguruskan disiplin pelajar. Persoalan kajian kedua terjawab dengan mengenal pasti kaedah pengurusan disiplin pelajar.

Oleh yang demikian, objektif untuk mengenal pasti bentuk kaedah pengurusan disiplin pelajar yang digunakan di Pondok Bustanul Arifin Banting, Selangor terjawab dengan penemuan dua bentuk kaedah. Dua bentuk kaedah yang ditemukan adalah umum dan khusus. Kaedah tersebut dapat di bahagikan kepada dua bentuk iaitu secara umum dan khusus. Bentuk umum merupakan

kaedah yang dilaksanakan secara umum dimana setiap pelajar yang berada di pondok tersebut perlu mengikut kaedah yang digunakan.

Manakala secara khusus merupakan kaedah yang dikenakan khusus kepada para pelajar yang telah melakukan kesalahan disiplin. Bentuk kaedah secara umum adalah tempoh percubaan 41 hari, meraikan minat dan bakat pelajar, hubungan rapat guru dengan pelajar, sistem pengajian dan wirid serta suasana harmoni dalam kalangan pelajar. Bentuk secara khusus adalah hukuman rotan di hadapan khalayak ramai dan tempoh muhasabah dalam liang lahad.

## 1. Tempoh Percubaan 41 Hari

Pengetua menyatakan bahawa setiap pelajar yang diterima masuk ke pondok ini akan melalui tempoh percubaan selama 41 hari. Tempoh ini merupakan tempoh yang ditetapkan oleh pihak pengurusan bagi mengenal pasti punca masalah yang dihadapi oleh pelajar tersebut. Sepanjang tempoh ini ibu bapa dan penjaga tidak dibenarkan untuk melawat pelajar dan hanya dibenarkan berhubung melalui telefon.

Pelaksanaan tempoh percubaan 41 hari adalah berdasarkan hadis Sahih Bukhari dimana diceritakan penciptaan manusia oleh Allah SWT. Hadis tersebut adalah seperti berikut:

*“Bahawa penciptaan salah seorang di antara kalian dihimpun dalam perut ibunya selama empat puluh hari atau empat puluh malam, kemudian menjadi segumpal darah dalam empat puluh hari berikutnya, kemudiannya menjadi segumpal daging dalam empat puluh hari berikutnya, kemudiannya Allah mengutus malaikat kepadanya dan memerintahkan untuk menetapkan empat kalimat (empat hal) tentang rezekinya, ajalnya, amalnya, sengsara atau bahagia. Kemudian Allah meniupkan roh padanya, Sungguh ada salah seorang diantara kalian yang melakukan amalan-amalan penghuni syurga hingga tiada jarak antara dia dan syurga selain sehasta, namun kemudian takdir telah mendahului dia, lantas ia pun melakukan amalan penghuni neraka hingga tiada jarak dia dan neraka selain sehasta, namun kemudian takdir mendahuluinya, lantas ia pun mengamalkan amalan penghuni syurga sehingga ia memasukinya” (Sahih Bukhari, No. Hadis 6900)*

Maka berdasarkan hadis tersebut, pihak pengurusan mengambil tempoh 40 hari sebagai tempoh percubaan bagi setiap pelajar yang diterima masuk ke pondok tersebut. Dalam tempoh tersebut para pelajar akan diisi dengan pengajian, aktiviti, hukuman dan sebagainya bagi melihat punca sebenar masalah yang dihadapi para pelajar. Setelah selesai tempoh 40 hari, ibu bapa atau penjaga akan bertemu dengan pihak pengurusan sehari selepas tempoh tersebut iaitu hari ke 41. Pihak pengurusan akan memberitahu masalah sebenar yang dihadapi oleh



para pelajar tersebut dan memberikan pilihan kepada ibu bapa tersebut untuk terus menghantar anaknya dalam pengurusan pihak pondok atau sebaliknya.

Pengetua turut menjelaskan bahawa tempoh 40 hari ini juga merupakan amalan orang tua-tua dan ulama bagi seseorang mengekalkan sesuatu perubahan. Sekiranya seseorang pelajar tersebut boleh mengekalkan perubahan dalam tempoh 40 hari, maka ia menunjukkan pelajar tersebut boleh bertahan dan terus istiqamah dengan perubahan tersebut. Selain itu, dalam tempoh ini juga merupakan tempoh percubaan bagi ibubapa dan penjaga menunjukkan kesungguhan dan kepercayaan kepada pihak pengurusan pondok dalam menguruskan anak mereka.

Berdasarkan temu bual bersama responden kategori pelajar, terdapat dua orang pelajar yang memberikan pandangan terhadap kaedah tempoh percubaan 41 hari. Responden bersetuju pada permulaan tempoh memasuki pondok tersebut, ramai yang beranggapan kurang Selasa dan tidak mahu mengikuti aktiviti yang telah dijalankan. Walau bagaimanapun setelah hampir seminggu berada di pondok, pelajar tersebut mengakui terdapat perubahan yang berlaku dalam diri mereka. Kebiasaan selepas tempoh percubaan 41 hari ini, para pelajar telah menetapkan hati untuk terus berada di pondok dan boleh menyesuaikan diri dengan suasana pondok tersebut.

Tambahan lagi, pengalaman tempoh percubaan 41 hari ini turut dikongsikan oleh seorang guru pemantau yang juga merupakan bekas pelajar di pondok tersebut. Beliau turut mengakui pada permulaan, beliau menempuhi tempoh percubaan tersebut, beliau merasakan dirinya tidak dapat menerima suasana pondok tersebut. Atas nasihat seorang kawan yang menyarankan beliau hanya untuk istiqamah melaksanakan solat secara berjemaah dan membaca wirid pada setiap petang dalam tempoh tersebut. Maka beliau melaksanakan dua amalan tersebut secara istiqamah dan akhirnya memberikan perubahan dalam diri beliau. Selepas tempoh 41 hari tersebut, responden terus merasakan dirinya boleh menerima suasana pondok tersebut dan terus berada di pondok tersebut selepas tempoh percubaan.

## **2. Hukuman Rotan Di Hadapan Khalayak Ramai**

Kaedah kedua yang digunakan oleh pihak pengurusan dalam menguruskan disiplin pelajar adalah penggunaan hukuman rotan di khalayak ramai. Berdasarkan temu bual bersama pengetua, Responden menyatakan di pondok Bustanul Arifin ini telah dinyatakan penggunaan hukuman hudud sebagai kaedah untuk menghukum pelajar. Pelaksanaan hukuman secara hudud ini tidaklah mengambil kesamaan dari segi jumlah rotan yang dikenakan, tetapi ia mengambil salah satu ciri pelaksanaan hukuman hudud iaitu pelaksanaan di hadapan khalayak ramai.

Pelaksanaan ini dilakukan pada setiap hari Jumaat yang merupakan hari perjumpaan semua pelajar. Para pelajar yang didapati bersalah setelah disoal siasat akan dihukum rotan di khalayak ramai pada hari tersebut. Pelaksanaan hukuman tersebut adalah bergantung kepada jumlah hukuman rotan yang akan

dikenakan terhadap para pelajar. Sekiranya hukuman rotan yang dikenakan melebihi 3 kali rotan, maka ia akan dilakukan oleh pengetua pondok sendiri.

Sebelum melaksanakan hukuman ini, pihak pelaksana hukuman hudud ini akan meminta pelajar tersebut mengakui kesalahan yang dilakukan. Pihak pelaksana juga akan berdoa agar pelajar tersebut akan berubah disamping meminta para pelajar yang lain untuk berselawat ramai-ramai sewaktu hukuman tersebut dijalankan.

Manakala berdasarkan temu bual dengan para pelajar, semua responden bersetuju hukuman rotan yang dijalankan ini menggunakan salah satu ciri pelaksanaan hukum hudud yakni dilakukan di hadapan khalayak ramai. Tujuan pelaksanaan ini adalah untuk pelajar lain mengambil iktibar dan pengajaran untuk tidak melakukan kesalahan tersebut. Kaedah pengurusan ini telah dijelaskan terlebih dahulu kepada ibu bapa dan penjaga sebelum memasukkan anak-anak mereka ke pondok ini. Para pelajar yang masuk ke pondok ini bersedia untuk dihukum rotan sekiranya melakukan kesalahan disiplin.

Selain itu, pelaksanaan hukuman rotan dihadapan khalayak ramai adalah untuk memberitahu dan menunjukkan kepada para pelajar bagaimana pihak pengurusan menyelesaikan sesuatu masalah yang berlaku. Para pelajar yang melakukan kesalahan disiplin ini akan disiasat terlebih dahulu. Kemudian pihak pengurusan akan meminta pelajar tersebut untuk mengaku terhadap kesalahan yang telah dilakukan. Pihak pengurusan mahu pelajar tersebut bercakap benar dan mengaku kesalahan yang telah dilakukan berdasarkan bukti-bukti yang telah dikemukakan.

Misalnya, berlaku kes kecurian di pondok, setelah disiasat pelajar tersebut telah melakukan kesalahan tersebut. Pada hari perhimpunan pelajar, para pelajar yang melakukan kesalahan disiplin akan dipanggil di khalayak ramai. Sekiranya pelajar tersebut tidak mengaku kesalahan yang dilakukan, pihak pengurusan akan bersoal siasat hingga pelajar tersebut mengakui kesalahannya. Setelah pelajar tersebut mengakui kesalahan yang telah dilakukan, pihak pengurusan akan menjalankan hukuman rotan pada kadar tertentu mengikut kesalahan yang telah dilakukan. Sewaktu pihak pengurusan menjalankan hukuman tersebut, para pelajar yang lain akan berselawat dan mendoakan pelajar tersebut berubah daripada melakukan kesalahan tersebut.

Dari pandangan responden pelajar yang pernah dikenakan hukuman ini, mereka mengakui bahawa pada permulaannya mereka berasa marah dan malu atas hukuman tersebut. Setelah dikenakan hukuman tersebut, responden akan berfikir sendiri bahawa hukuman yang telah dikenakan ini atas kesalahan yang telah dilakukan. Tambahan lagi, pelaksanaannya di hadapan pelajar yang lain lebih menjadikan mereka lebih sedar terhadap kesalahan yang telah dilakukan dan berazam untuk berubah.

Terdapat juga responden pelajar yang mengakui bahawa hukuman yang dikenakan oleh pihak pengurusan ini sebagai pelengkap atas kesalahan yang telah dilakukan. Sekiranya beliau tidak dikenakan hukuman atas kesalahan yang telah dilakukan, beliau akan merasa kekurangan dan berasa tidak tenang. Hukuman yang dikenakan ini sebagai satu muhasabah untuk diri responden. Akhirnya para

pelajar akan mengakui kesalahan yang dilakukan secara sukarela bagi menerima hukuman rotan tersebut.

### **3. Meraikan Minat Dan Bakat Para Pelajar**

Kaedah ketiga yang digunakan oleh pihak pengurusan dalam menguruskan disiplin pelajar adalah meraikan minat dan bakat para pelajar. Pihak pengurusan di Pondok Bustanul Arifin turut memberikan kelonggaran dan kebebasan kepada para pelajar untuk melakukan aktiviti selain daripada menghadiri kelas pengajian. Pada waktu petang para pelajar dibenarkan melakukan aktiviti sukan seperti bermain bola sepak dan sebagainya.

Aktiviti hiburan juga turut diadakan pada hari tertentu bagi memastikan para pelajar tidak berasa bosan semasa berada di pondok. Aktiviti-aktiviti yang diadakan ini turut diberikan kefahaman yang sebenar oleh pihak pengurusan. Misalnya, aktiviti hiburan yang dilakukan, pihak pengurusan akan memberikan kefahaman tentang maksud hiburan, yang dibenarkan dalam Islam. Dengan ini, para pelajar dapat membezakan antara hiburan yang dibenarkan dengan yang tidak dibenarkan oleh Islam.

### **4. Hubungan Rapat Antara Guru Dan Pelajar**

Hubungan yang rapat antara guru-guru dan pelajar juga merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh pihak pengurusan dalam menguruskan para pelajar. Pihak pengurusan pondok yang terdiri daripada para guru-guru sentiasa prihatin terhadap para pelajar. Para guru juga melaksanakan hukuman dengan kasih sayang terhadap para pelajar yang melakukan kesalahan. Kasih sayang guru-guru ini dapat dilihat melalui banyak kes yang berlaku para pelajar yang telah melarikan diri daripada pondok berulang kali kembali semula ke pondok untuk terus berada di pondok.

Di antara keistimewaan pondok Bustanul Arifin ini adalah para guru mempunyai hubungan baik dengan pelajar. Para pelajar menganggap guru-guru di pondok ini sebagai bapa. Maka para pelajar sangat menghormati guru-guru yang menguruskan mereka. Pihak pengurusan di pondok ini sendiri sentiasa mendekati diri dengan para pelajar. Di luar waktu belajar, para guru dan pelajar melakukan aktiviti yang lain bersama seperti bermain bola pada waktu riadah bersama dan sebagainya.

Dari pandangan responden pihak pengurusan menyatakan pihak pengurusan mengambil pendekatan 'tarik tali' dengan para pelajar. Ada waktu mereka akan bertindak dengan serius dan ada waktu lain mereka akan turut sama bermain dengan para pelajar. Misalnya pelajar yang dikenakan hukuman oleh pengetua atas kesalahan yang dilakukan, pelajar ini akan didekatkan semula dengan pengetua pondok. Misalnya pelajar tersebut akan makan bersama pengetua dan sebagainya. Pendekatan ini akhirnya memberikan kesan kepada para pelajar untuk tidak berasa dendam dan rasa dihargai. Manakala dari segi pihak pengurusan pula dapat memberi nasihat secara lebih dekat dengan pelajar tersebut.

Guru-guru di pondok ini sering menasihati dan berkomunikasi secara personal dengan para pelajar. Hal ini menjadikan para pelajar semakin rapat dengan para guru. Para pelajar akan berasa malu atau takut melakukan kesalahan disiplin. Bagi pandangan responden, mungkin pada permulaannya pelajar tersebut tidak melakukan kesalahan kerana takut kepada guru tetapi lama kelamaan pelajar tersebut akan sedar sendiri setelah matang berfikir.

## 5. Sistem Pengajian Dan Wirid

Sistem pengajian di Pondok Bustanul Arifin ini turut memainkan peranan penting dalam membentuk kefahaman dan kesedaran para pelajar untuk berubah. Ilmu dan wirid yang diperolehi melalui kelas umumi (umum) dan berkelas (nizomi) ini memberikan kekuatan kepada para pelajar untuk berubah. Hal ini kerana responden menyatakan pengalaman sebelum masuk ke pondok beliau telah berusaha untuk bertaubat tetapi tidak mempunyai ilmu akhirnya beliau kembali melakukan kesalahan disiplin.

Pengajian-pengajian khas dan umum telah disusun oleh pihak pengurusan pondok berdasarkan pengajian kitab-kitab lama. Melalui pengajian-pengajian kitab ini, ia dapat memberikan pengetahuan agama dalam diri pelajar bagi memahami hakikat diri. Sistem pengajian di pondok ini dipecahkan kepada kepada dua kategori iaitu kelas umumi (umum) dan kelas nizami (formal) .

Kelas nizami adalah merupakan sistem pengajian yang berbentuk formal dan telah disusun mengikut tahap kemampuan setiap pelajar. Para pelajar telah diatur dan ditetapkan pada kelas-kelas tertentu mengikut tahap kebolehan dan keupayaan masing-masing. Kelas ini bermula dari jam 9.00 pagi hingga jam 11.00 pagi. Semua pelajar wajib mengikut kelas pengajian nizami ini kecuali kelompok khas diberikan kelonggaran oleh pengetua atas faktor kebolehan mengikut kelas ini. Bagi pelajar khas yang tidak boleh mengikut kelas formal ini mereka akan terlibat dalam melakukan kerja-kerja khidmat di kawasan pondok. Kerja-kerja ini termasuklah membersihkan kawasan pondok dan sebagainya.

Kelas umumi pula adalah merupakan kelas umum yang diadakan selepas waktu Zohor dan Maghrib. Kelas ini wajib dihadiri oleh semua pelajar di Pondok Bustanul Arifin. Pengajian umumi ini lebih bersifat terbuka dan boleh diikuti oleh semua latar belakang pelajar. Selain kelas pengajian, terdapat wirid-wirid tertentu yang akan diberikan oleh para guru untuk diamalkan oleh pelajar Wirid-wirid ini menjadi kekuatan dalam diri pelajar tersebut untuk terus istiqamah untuk berubah. Para pelajar akan membaca wirid-wirid tersebut pada waktu-waktu tertentu misalnya selepas solat asar.

Pihak pengurusan sering mengingatkan pada para pelajar untuk menjadi 'orang' terlebih dahulu untuk menyumbang kepada masyarakat. Maksud menjadi orang ini adalah mempunyai asas ilmu yang kukuh mengenai perkara fardhu 'ain dan sebagainya. Responden menyatakan bahawa pihak pengurusan menekankan para pelajar untuk selesai menuntut tiga kitab utama iaitu kitab mengenai tauhid, syariat dan tasawuf. Setelah selesai mempelajari dan mengamalkan ketiga-tiga kitab ini barulah para pelajar dibenarkan untuk keluar daripada pondok dan

melaksanakan peranan masing-masing. Hal ini kerana para pelajar telah mempunyai kekuatan untuk berjuang dalam masyarakat.

Responden dalam kalangan para pelajar turut mengakui pengamalan wirid secara beramai-ramai selesai solat Asar juga memberikan kesan kepada para pelajar. Responden menyatakan sekiranya wirid diamalkan secara berterusan, ia memberikan kekuatan kepada para pelajar. Para pelajar akan memasang sebarang hajat kepada Allah SWT.

## **6. Suasana Harmoni Dalam Kalangan Pelajar Di Pondok**

Para responden menyatakan suasana yang harmoni dalam kalangan para pelajar juga memberikan kesan kepada pengurusan disiplin pelajar di pondok ini. Para pelajar di pondok ini mempunyai organisasi pelajar yang tersendiri bagi memastikan para pelajar teratur dan mengikut peraturan. Para pelajar di pondok ini dibahagikan kepada tujuh kumpulan di mana setiap kumpulan tersebut mempunyai 23 hingga 25 orang pelajar. Setiap kumpulan ini mempunyai seorang ketua kumpulan, ketua usrah dan naqib.

Ketiga-tiga ketua ini berperanan dalam memastikan kebajikan dan pengurusan disiplin ahli kumpulannya berada dalam keadaan baik. Setiap ketua kumpulan akan melaporkan keadaan setiap ahlinya kepada ketua pelajar. Manakala ketua pelajar akan berurusan dengan pihak pengurusan sekiranya berlaku sebarang masalah. Kebiasaannya para pelajar akan menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar terlebih dahulu sebelum di bawa kepada pihak pengurusan. Ketua-ketua kumpulan ini akan berbincang dengan ketua pelajar bagi mencari sebarang bukti dan penyelesaian mengenai masalah yang berlaku.

Responden mengakui bahawa suasana yang harmoni wujud dalam kalangan para pelajar. Pengaruh kawan-kawan yang baik juga serta bertolak ansur menjadikan hubungan dalam kalangan pelajar seperti sebuah keluarga. Para pelajar yang dikenakan hukuman disiplin juga tidak akan dipandang serong setelah dikenakan hukuman tersebut. Hal ini kerana pihak pengurusan telah memberikan amaran untuk tidak melakukan sedemikian. Bahkan hubungan sesama pelajar semakin rapat kerana saling mengenali dan mengetahui masalah yang dilakukan oleh pelajar tersebut.

Para pelajar hidup dalam keadaan berjemaah yakni beramai-ramai dan merasakan seperti sebuah keluarga. Rutin harian juga dilakukan dalam keadaan berjemaah seperti makan, tidur dan sebagainya. Pembentukan suasana yang harmoni ini turut memberikan kesan kepada kaedah pengurusan disiplin di pondok ini.


## **7. Tempoh Bermuhasabah Dalam Liang Lahad**

Salah satu pendekatan yang digunakan oleh pihak pengurusan pondok ini dalam menangani pelajar bermasalah adalah dengan meletakkan pelajar tersebut di dalam liang lahad. Hanya terdapat sebuah liang lahad di Pondok Bustanul Arifin. Di antara kesalahan yang akan dikenakan hukuman ini adalah bergaduh atau lari dari pondok ini.

Para pelajar yang bergaduh akan diminta oleh pengetua untuk masuk ke dalam liang lahad tersebut bagi waktu yang telah ditetapkan oleh pengetua. Tempoh berada di dalam liang lahad tersebut akan memberikan ruang untuk pelajar tersebut bermuhasabah dan berfikir semula mengenai kesalahan yang telah dilakukan. Sementara itu, bagi pelajar yang terlibat dengan pergaduhan tersebut akan berbaik semula kerana akan menghabiskan masa dengan aktiviti bersama seperti makan dan sebagainya.

### **Persoalan Kajian Kedua: Hubungan amalan hisbah dalam pengurusan disiplin pelajar di institusi pendidikan Islam khususnya kajian kes di Pondok Bustanul Arifin Banting, Selangor**

Dalam pengurusan disiplin, elemen akidah, syariat dan akhlak menjadi teras utama dalam pembentukan disiplin pelajar. Hal ini kerana intipati dalam ilmu fardhu ‘ain yang meliputi akidah, ibadah dan akhlak memainkan peranan penting dalam membentuk unsur dalaman individu (Abdul Raof Dalip, 1991). Unsur dalaman adalah merupakan sikap yang diterjemahkan melalui keyakinan terhadap nilai-nilai yang diyakini dan ianya mampu membentuk tabiat seseorang individu. (Muhammad Imaduddin Abdulrahim, 1995). Maka elemen akidah, syariah dan akhlak yang diterapkan dalam konsep hisbah ini menjadi kerangka utama dalam membentuk nilai-nilai yang dapat mendisiplinkan para pelajar.



Rajah 1: Pengamalan Hisbah dalam Pengurusan Disiplin Pelajar

Secara keseluruhannya, hasil analisis menunjukkan amalan hisbah yang diamalkan seperti musyaratah(perjanjian hati), muraqabah (pemerhatian tingkahlaku), muhasabat (memperhitungkan diri), mu'aqabah (peneguhan rohani), mujahadah (penentangan nafsu) dan mu'atabah (pembersihan jiwa) dilihat selari dengan ilmu fardhu ‘ain yang meliputi ilmu Tauhid (akidah), ilmu Fekah

(syariat) dan ilmu Tasauif (akhlak) mampu memberikan kesan kepada pembentukan disiplin pelajar. Hal ini kerana elemen Tauhid (akidah) akan membina hubungan ketuhanan antara pelajar dengan tuhan. Manakala elemen Fekah (syariat) juga terangkum syariat yang menjadi peraturan dan landasan kehidupan yang akhirnya akan membentuk disiplin pelajar yakni akhlak diri pelajar.

Kaedah-kaedah pengurusan disiplin pelajar yang telah dikenalpasti bagi menjawab persoalan pertama kajian dianalisis merangkumi tiga aspek ini iaitu elemen akidah, syariat dan akhlak. Hasil analisis menunjukkan amalan hisbah yang diamalkan dalam kaedah pengurusan disiplin institusi pengurusan Islam khususnya di Pondok Bustanul Arifin Banting Selangor seperti berikut:

Jadual 2: Pengamalan Hisbah dalam Pengurusan Disiplin Pelajar

Aspek	Amalan Hisbah	Kaedah Pengurusan Disiplin Pelajar
Akidah	Musyaratah (Perjanjian Hati)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sistem Pengajian</li> </ul>
Syariah	Muraqabah (Pemerhatian Tingkah Laku)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempoh Percubaan 41 Hari</li> <li>• Perlaksanaan hukuman dengan kasih sayang</li> </ul>
	Muhasabat (Memperhitungkan Diri)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hukuman Rotan di Hadapan Khalayak Ramai</li> <li>• Tempoh Bermuhasabah dalam Liang Lahad</li> </ul>
Akhlak	Mu'aqabah (Peneguhan Rohani)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sistem Pengajian dan Wirid</li> <li>• Hubungan rotan di khalayak ramai</li> </ul>
	Mujahadah (Penentangan Nafsu)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempoh Percubaan 41 Hari</li> </ul>
	Mu'atabah (Pembersihan Jiwa)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengamalan Wirid</li> </ul>

## KESIMPULAN

Kajian berkaitan pengurusan disiplin pelajar sering dilakukan secara makro dan mikro iaitu menfokuskan kajian kepada sistem pendidikan di Malaysia keseluruhannya. Analisis dilakukan secara mikro iaitu dengan menumpukan kepada sebuah institusi pendidikan Islam sahaja. Oleh yang demikian, kajian ini dilihat dapat mengisi lompong kajian.

Kajian ini turut menggabungkan amalan hisbah dalam pembentukan disiplin pelajar di institusi pendidikan Islam. Berdasarkan dapatan dan analisis, dapat dirumuskan bahawa antara amalan hisbah merangkumi tiga aspek utama

iaitu akidah iaitu musyaratah(perjanjian hati), syariah iaitu muraqabah (pemerhatian tingkah laku) dan muhasabat (memperhitung diri) dan akhlak iaitu mu'aqabah (peneguhan rohani), mujahadah (penentangan nafsu) dan mu'atabah (pembersihan jiwa) mampu memberi kesan terhadap pembentukan disiplin pelajar.

Secara keseluruhannya, berdasarkan kesemua faktor-faktor yang dibincangkan, aspek pelaksanaan merupakan aspek yang penting bagi memastikan kaedah pengurusan disiplin pelajar dapat dilaksanakan dengan baik dalam sebuah institusi pendidikan. Pihak pengurusan tertinggi dan bawahan di Pondok Bustanul Arifin Banting, Selangor memainkan peranan secara bersama dalam menguruskan disiplin pelajar di pondok tersebut.

## RUJUKAN

- Abu Umar Basyir. (2005). *Suci hati*. Muhammad Albani (Pnyt). Indonesia: AL-Qowam.
- Abdul Salam Yussof. (2003). *Imam al-Ghazali: Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ansari, Zafar Afaq (Eds.). 1992). *Qur'anic concepts of human psyche*. Islamabad: The International Institute of Islamic Thought.
- Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. (2004). *Ihya' 'ulum al-din*. Jilid 1-5. Qaherah : Dar al-Afaq al- 'Arabiyyah.
- Al-Razi, Muhammad Ibnu Umar. (2000). *Ruh dan jiwa: Tinjauan filosofis dalam perspektif Islam*. H.Moctar Zoerni & Joko S. Kahhar. Terj. Surabaya: Risalah Gusti.
- Auni Abdullah. (2000). *Hisbah dalam pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur : IKDAS SDN BHD.
- Azrin Ibrahim. (2015). Kepentingan hisbah dan amalannya di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* Bil 11 2015 (Edisi Khas).
- Basya, Hassan. (1966). *Al-Funun al-Islamiyyat wa al-Waza'if 'ala al-'Athar al-'Arabiyyat*, Kaherah: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.
- Beach, D. S., (1985). *Personnel, The Management Of People At Work*. Edisi Ke-5. New York: Macmillan Publishing Company
- Hamka. (2003). *Lembaga budi: Perhiasan insan cemerlang*. Selangor: Pustaka Dini Sdn Bhd.
- Hasnan Kasan. (2008). *Pendidikan remaja muslim*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Manzur, 1973, *Lisun al-Arab*, 15. Beirut: Dar Sadir
- Ibn Sina. (2009). *Psikologi Ibn Sina. M.S. Nasrulloh*. Tej. Indonesia: Pustaka Hidayah.
- Ilhamie Abdul Ghani & Wan Suryanti Wan Ahmad. (2008). Pengaruh sikap dan demografi ke atas produktiviti kerja pensyarah muslim: kajian di Universiti Malaya. *Shariah Journal*, Vol. 16, No.2(2008) 321-344.
- Isaacson, L.E., & Brown, D. (2000). *Career Information, Career Counseling, And Career Development (7th ed.)*. Boston : Allyn and Bacon.
- Leong, F. T. L. & Barak, A. (2001). *Contemporary Models In Vocational*



- Psychology, A Volume In Honor Of Samuel H. Osipow*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates,
- Mohd. Affandi Hassan. (1992). *The Tawhidic Approach In Management And Public Administration: Concept, Principle And An Alternative Model*, Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration (INTAN).
- Muhammad Syukri Sallah. (2000). Ke Arah Pengurusan Pembangunan Islam, dlm. Muhammad Syukri Salleh & Fadzil Azni Ahmad, eds., *Pengurusan Pembangunan Islam: Prosiding seminar, Pulau Pinang: Projek Pengurusan Pembangunan Islam (IDMP)* Universiti Sains Malaysia dan Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- Rusdin S. Rauf. (2011). *Smart Heart*. Selangor: PTS: Millennia Sdn. Bhd.
- Said Hawwa. (1998). *Mensucikan Jiwa; Intisari Ihya 'Ulumuddin al-Ghazali*: Robbani Press, Jakarta.
- YaPEIM (Panel Akademi Pengurusan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia), 2005, *Pengurusan dalam Islam: Menghayati Prinsip dan Nilai Qurani*, Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YaPEIM.
- Zuridan Mohd Daud. (2010). *Penyucian Jiwa*. Kuala Lumpur: Must read Sdn. Bhd.